

Headline	DOMINASI THE COPS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	L-64	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	404 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,135
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,405



DOMINASI THE COPS

FOTO: SHARFUDIN ABDUL RAHMAN

MOHD FAHMI ISMAIL

HASRAT pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membelasah pasukan bermasalah, UiTM FC tidak kesampaian apabila hanya mampu menang 2-0 walaupun menguasai perlawanan pada pertemuan Liga Premier di Shah Alam, petang semalam.

Beraksi dalam cuaca panas di babak pertama menyukarkan pemain PDRM menyusun rentak hingga membenarkan UiTM kerap mengancam ke kubu pelawat.

Kapten *The Lions Roar*, Abdi Kassim Sadallah hampir meledak gol tetapi sepakannya mudah dibaca penjaga gawang *The Cops*, Mohd Helmi Eliza Elias.

Gol ditunggu-tunggu anak buah Dollah Salleh menjelma di m-68 menerusi hantaran cantik digerakkan Ali Ashfaq yang disudahkan Charles Souza Chad.

Pemain gantian, Mohamadou Sumareh mengakhiri permainan PDRM dengan penuh bergaya apabila menanduk masuk hasil *assist* Fadhil Hashim m-89.

Pengendali Sang Saka Biru, Dollah akui aksi mereka serba kurang menjadi kepada dan pemain juga gagal menterjemahkan apa yang dirancang pada sesi latihan.

"Kita benar-benar letih dan mereka perlu bermain bersungguh-sungguh pada aksi ini. Tapi, kita sedikit beruntung kerana dapat jaring dua gol," katanya selepas tamat perlawanan.

PDRM menamatkan kempen pusingan pertama di tempat teratas dengan mengutip 29 mata dan akan bertemu KL SPA pada pusingan kedua liga, Jumaat ini.



Chad Charles Souza (kanan) menjaringkan gol pertama buat PDRM ketika berdepan UiTM FC di Shah Alam, semalam.